

**Teks Ucapan Sempena Majlis Ramah Mesra Yab Perdana Menteri
Bersama Peserta Felcra Berhad, Pekebun Kecil RISDA, Tok Batin
& Penghulu Orang Asli JAKOA**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 17/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS RAMAH MESRA YAB PERDANA MENTERI BERSAMA
PESERTA FELCRA BERHAD, PEKEBUN KECIL RISDA, TOK
BATIN & PENGHULU ORANG ASLI JAKOA**

**17 OKTOBER 2022 | ISNIN | 10 PAGI
ARENA MERDEKA, TAPAH, PERAK**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama bagi menjayakan Majlis Ramah Mesra YAB

Perdana Menteri bersama-sama peserta Felcra Berhad, Pekebun Kecil RISDA, Tok Batin dan Penghulu Orang Asli di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, terutamanya Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Saarani Mohamad, dan seluruh warga Keluarga Malaysia Negeri Perak yang hadir pada pagi ini.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), khususnya Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Mahdzir bin Khalid dan seluruh agensi KPLB iaitu Felcra Berhad, RISDA dan JAKOA.

4. Saya berasa gembira dengan sambutan hangat yang diberikan oleh warga Keluarga Malaysia Perak yang hadir beramai-ramai pada pagi ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

5. Pandemik COVID-19 dan konflik dunia serta perubahan iklim global telah menjejaskan ekonomi negara termasuklah mengakibatkan kejatuhan nilai ringgit.

6. Faktor-faktor ini di luar kawalan kita tetapi telah memberi tempas termasuklah kepada harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit.

7. Namun begitu, kerajaan telah mengarahkan agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk terus merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu Keluarga Malaysia yang terkesan terutamanya pekebun kecil.

8. Alhamdulillah, Felcra Berhad yang telah diberikan mandat tersebut, telah berjaya membangunkan tanah-tanah terbiar kelompok kecil dan kurang berdaya maju, menjadi sebuah estet milik peserta dengan kos **pengurusan yang minimum iaitu hanya 6.5 peratus sahaja.**

9. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Felcra Berhad dalam melaksanakan pembangunan tanah terbiar apabila berjaya menaikkan nilai tanah luar bandar melebihi **204 ribu hektar** yang memberikan manfaat kepada **lebih 103,000 peserta** di seluruh negara.

10. Berikutan kejayaan projek peserta Felcra Berhad yang telah mencatatkan keuntungan, sukacita saya mengumumkan **Jumlah Keuntungan Boleh Agih Interim 2/2022, berjumlah RM181.5 juta kepada seramai 74,949 peserta di seluruh negara.**

11. Bayarannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai hari ini, **17 Oktober 2022** dan boleh digunakan oleh peserta Felcra Berhad untuk kegunaan pelbagai perkara.

12. Saya juga gembira kerana Felcra Berhad berjaya mengekalkan prestasi yang baik apabila mencatat **kenaikan hampir RM51 juta atau 38.1 peratus berbanding prestasi pada tahun lalu**, sekali gus membuktikan kecekapan Kerajaan Keluarga Malaysia dalam mengurus tadbir ekonomi negara dan sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan.

13. Saya pernah menerajui KKLW dan Felcra berada di bawah saya, ada banyak masalah hutang bagi peserta Felcra yang tak pernah selesai dan tidak dapat diselesaikan kerana terdapat projek di bawah Felcra yang tidak berdaya maju.

14. Sehingga Disember tahun lepas terdapat 323 projek dengan keluasan 22,173 hektar telah dikenalpasti sebagai projek yang kurang berdaya maju dari segi penghasilannya dalam memberi pulangan pendapatan kepada peserta.

15. Saya difahamkan perkara itu oleh Pengerusi Felcra yang memohon kepada Kerajaan supaya menghapus kira hutang tersebut. Secara peribadi, saya pada dasarnya bersetuju menghapus kira hutang para peserta dan ia akan melibatkan RM233.8 juta.

16. Walaupun saya telah bersetuju, namun ia masih perlu dibawa ke Mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan. Innsya-Allah, ia akan dilakukan jika saya terus diberikan kepercayaan untuk mentadbir negara.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

17. Bagi RISDA pula, agensi ini juga penting kepada Keluarga Malaysia dalam membangun dan menaik taraf hidup lebih 500,000 pekebun kecil melalui pelbagai pendekatan program pembangunan.

18. RISDA bukan sahaja memajukan industri getah seluas 1 juta hektar tetapi turut memastikan kemajuan keluarga pekebun kecil yang berjumlah hampir 1 juta orang.

19. Berdasarkan perangkaan, peruntukan yang diperakukan kepada RISDA dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) adalah sejumlah RM3.019 bilion bermula tahun 2021 hingga 2025, manakala subsidi program tanam semula yang disalurkan Kerajaan meningkat kepada RM13,710 sehektar di Semenanjung, berbanding dahulu hanya berjumlah RM9,230 sehektar.

20. Bagi mengukuhkan ekonomi Keluarga Malaysia pekebun kecil, RISDA turut mengadakan pelbagai program termasuk program Aktiviti Ekonomi Belia yang menggalakkan anak pekebun kecil berusia 18 hingga 40 tahun menceburi industri keusahawanan.

21. Dalam RMKe-12, RISDA diperuntukkan sejumlah RM269 juta dengan sasaran 77,183 orang pekebun kecil akan menerima manfaat keusahawanan.

22. Justeru, saya yakin hasrat RISDA untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil pada tahun 2025 kepada RM4,500 sebulan sekeluarga, boleh dicapai dengan pelbagai pendekatan pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh.

23. Bagi pekebun kecil RISDA, bantuan berupa geran sekali bayar atau 'one-off' berjumlah RM15,000 dengan pecahan RM10,000 untuk pembelian peralatan dan RM5,000 untuk tujuan latihan, telah disediakan untuk golongan belia pekebun kecil.

24. Bagi membantu pekebun kecil yang terjejas akibat musim tengkujuh yang diunjurkan berlaku akhir tahun ini, **Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM191 juta Bantuan Musim Tengkujuh** melibatkan seramai 232,319 pekebun kecil RISDA dengan **kadar RM600 yang akan diagihkan pada bulan November dan Disember ini.**

25. **Insyaa-ALLAH, pada tahun 2023, Kerajaan Keluarga Malaysia akan menyediakan peruntukan ini dengan peningkatan kepada RM800, selain turut dipanjangkan kepada pekebun kecil di bawah FELDA.**

26. Untuk itu, sokongan berterusan kepada Kerajaan serta mandat yang baru perlu diberikan supaya hasrat ini dapat direalisasikan.

27. Saya juga difahamkan, di bawah Rancangan Tanam Semula Komersial (TSK) yang diurus RISDA melibatkan kawasan seluas 18,667.83 hektar dengan jumlah peserta seramai 13,357 orang, telah berjaya menikmati hasil dividen yang membanggakan.

28. Berikutan itu, sejumlah RM73.2 juta dividen RISDA TSK telah diagihkan kepada peserta pada purata RM5,480.38 sehektar seorang bagi tempoh yang berakhir sembilan bulan pertama tahun ini. Tahniah saya ucapkan kepada RISDA.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

29. Bagi Tok Batin/Penghulu pula, Kerajaan amat menghargai peranan dan kerja keras mereka dalam memastikan pentadbiran peringkat Kampung Orang Asli berjalan dengan lancar.

30. Menyedari kepentingan institusi ini, Kerajaan telah memperuntukkan elaun berjumlah RM6.739 juta setahun yang melibatkan seramai 624 orang Tok Batin/Penghulu di seluruh negara.

31. Pada pagi ini saya ada 'buah tangan' kepada Tok Batin dengan Penghulu semua. Saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan pemberian one-off sebanyak RM1,000 kepada setiap Tok Batin atau Penghulu yang melibatkan peruntukan sebanyak RM624,000.

32. Pemberian ini sebagai tanda penghargaan Kerajaan Keluarga Malaysia dalam menghargai sumbangan jasa dan tenaga Batin/Penghulu dalam pembangunan dan adat warisan masyarakat Orang Asli.

33. Kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan pada pembangunan infrastruktur di kalangan orang asli, malah turut fokus kepada pembangunan ekonomi bagi masyarakat Orang Asli.

34. Ini jelas dibuktikan menerusi Bajet 2023 apabila Kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM2.7 juta untuk membangunkan ekonomi bagi org asli.

35. Khusus untuk belia masyarakat asli pula, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia akan membuka sebuah pusat latihan khusus bagi belia Orang Asli di Tapah.

36. Ini sekali gus membuktikan Kerajaan tidak pernah meminggirkan sumbangan masyarakat Orang Asli yang merupakan sebahagian daripada Keluarga Malaysia.

37. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang hadir dan menjayakan program pada petang ini.

38. Dengan kata-kata tersebut, saya sudahi ucapan saya dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/majlis-ramah-mesra-yab-perdana-menteri-bersama-peserta-felcra-berhad-pekebun-kecil-risda-tok-batin-penghulu-orang-asli-jakoa/>